

Nur Saadah binti Hamisan@Khair*
 Norullisza binti Khosim*
 Adnan Mohamed Yusoff***

GAYA PERSEMBAHAN *TAFSIR AL-AZHAR* DAN *TAFSIR 'ABR AL-ATHIR*: SATU PERBANDINGAN BAGI PENAFSIRAN SURAH AL-MUJADALAH

Abstract

This study explore the language style used in Tafsir al-Azhar and Abr al-Athir which are both use the Malay language as the medium of instruction in the interpretation of the verses of the Quran. The beauty of the language used by these two scholars in the Quranic exegesis should be reviewed to gain insights. For that purpose, this study will focus on the discussion of 58th surah in the Quran, which is surah al-Mujadalah. In general, the language style is personal to the writer to convey knowledge and indirectly influenced by their different backgrounds. The data documentation is fully utilized for carrying out this comparative study. As the result, there are some differences can be observed which are: (a) language style usage, (b) interpretation style, (c) and the arrangement style of Tafsir al-Azhar and the Tafsir 'Abr al-Athir. Meanwhile, the similarity can be found which these two books are emphasizing on the teaching and guidance in Surah al-Mujadalah for Muslim use, and people all around the world.

Keywords: Tafsir al-Azhar, Tafsir 'Abr al-Athir, Hamka, Ahmad Sonhadji, Surah al-Mujadalah

* Tutor di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

** Pensyarah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

*** Prof. Madya dan Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia.

PENGENALAN

Al-Quran adalah mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW yang diturunkan secara berperingkat-peringkat kepada sekalian manusia untuk dijadikan panduan dalam kehidupan. Kitab suci lengkap yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan seorang manusia itu menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran, yang juga menjadi bahasa pertuturan Nabi dan para sahabat pada waktu tersebut. Walaupun bahasa Arab adalah bahasa utama, Nabi Muhammad SAW tetap menjalankan peranan dalam menjelaskan ayat-ayat Allah secara terperinci dalam bahasa yang sama, dan generasi seterusnya menyambung tanggungjawab dalam menghuraikan isi kandungan al-Quran mengikut bahasa pertuturan masing-masing.

Secara amnya, para sahabat Rasulullah SAW tidak menghadapi masalah untuk memahami makna ayat-ayat al-Quran. Ini memandangkan bahasa Arab merupakan bahasa ibunda mereka. Namun, terdapat ayat-ayat al-Quran yang memerlukan penafsiran kerana ia mengandungi maksud tersirat yang mendalam, hatta para sahabat turut berhajat kepada penafsiran ayat-ayat tersebut. Ini bermakna, penguasaan bahasa Arab belum menjamin kefahaman makna ayat-ayat al-Quran secara mudah. Kerana itu para sahabat tidak terkecuali dalam mendapatkan tafsiran yang betul daripada Rasulullah SAW sepanjang hayat Baginda. Begitu juga, kefahaman para sahabat tidaklah sama di antara satu sama lain kerana kitab al-Quran terkandung di dalamnya ayat *al-Mujmal*, *al-Mubham*, suruhan, larangan dan sebagainya.¹ Penghuraian dan penjelasan terhadap al-Quran diistilahkan sebagai ‘Tafsir’, iaitu ilmu yang membicarakan perihal al-Quran berdasarkan dalil-dalil terhadap

¹ Al-Dhahabi, Mu'ammad Husayn, (2005), *Al-Tafsir wa al-Mufasssirin*, Avand Daanesh Ltd, Juz 1, hlmn. 26.; Fadil Hasan Abbas, (2005), *Al-Tafsir: Asasiyatuhu wa Ittijatuhu*, Amman: Maktabah Dandis, hlmn. 116-117.

maksud dan tujuannya diturunkan, sekadar yang termampu oleh daya pemikiran manusia.²

Usaha menafsirkan ayat-ayat suci al-Quran menjadi ilmu asas bagi penuntut ilmu khususnya kaum Muslimin untuk memahami tujuan ayat tersebut diturunkan dan memahami hukum-hukum Islam yang terdapat di dalamnya. Oleh itu, usaha penafsiran al-Quran diperluaskan dengan menggunakan pelbagai bahasa yang berbeza di seluruh dunia. Di Asia Tenggara, bahasa Melayu adalah bahasa yang diperluaskan penggunaannya dan boleh difahami oleh segenap masyarakat yang berbilang kaum, bangsa, agama dan latar belakang yang berbeza. Bahasa Nusantara ini digunakan secara meluas di dalam rujukan-rujukan utama masyarakat Melayu sama ada merujuk kepada ilmu dunia mahupun ilmu Akhirat.

LATAR BELAKANG HAMKA DAN AHMAD SONHADJI

Penulisan tafsir berbahasa Melayu memerlukan kepakaran yang tinggi, khususnya penguasaan bahasa Arab dan pemahaman Ulum al-Quran yang sangat mendalam. Oleh yang demikian, bilangan penulis yang menghasilkan karya sebegini adalah terhad jika dibandingkan dengan penulisan karya-karya yang lain. Seorang yang bergelar ahli tafsir mestilah memenuhi syarat-syarat yang tertentu sepertimana yang telah digariskan oleh para ulama. Mereka perlulah memiliki kemahiran dalam bidang-bidang seperti *Ilmu Lughah*, *Ilmu Nahu*, *Ilmu Sorof*, *Ilmu Balaghah*, *Ilmu Qira'at*, *Ilmu Usuluddin*, *Ilmu Usul Fiqh*, *Ilmu Asbab An-Nuzul*, *Ilmu Qasas*, *Ilmu al-Naskh wa al-Mansukh*, *Ilmu Mauhibah*, dan *al-Ahadith al-Mubayyinah*. Syarat-syarat yang ditetapkan oleh para ulama ini adalah bertujuan supaya para ahli tafsir mampu mentafsir al-Quran dengan tafsiran yang betul, dan boleh membantu mereka supaya tidak tersalah dalam

² Rozali Adam. (1985). *Al-Quran: Di antara Tafsir dan Israiliyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

mentafsir al-Quran, juga menjaga mereka daripada menghuraikan ayat-ayat al-Quran tanpa ilmu pengetahuan.³

Selain daripada syarat-syarat yang ditetapkan oleh para ulama di atas, Imam Al-Tabari ada menyatakan di awal tafsirnya bahawa di antara perkara yang perlu dititikberatkan oleh ahli tafsir ialah iktiqad yang benar dan juga iltizam kepada pegangan agama yang kuat.⁴ Syarat-syarat yang digariskan menunjukkan bahawa ia bukanlah satu tugas yang mudah untuk menjadi seorang ahli tafsir, malah ia adalah suatu amanah yang sangat berat, apatah lagi apabila ahli tafsir tersebut bukan berbangsa Arab atau menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan utama. Kebolehan yang diperoleh untuk menguasai bahasa Arab dengan baik untuk menafsirkan al-Quran adalah satu anugerah yang tidak boleh dipersiapkan. Oleh yang demikian, usaha menafsirkan al-Quran kepada bahasa-bahasa dunia yang berbeza perlu diberi penghargaan yang tinggi kerana ia memerlukan pengorbanan dan perjuangan yang sangat dikagumi, termasuklah tafsir al-Quran berbahasa Melayu.

Sejarah telah menunjukkan bahawa kitab tafsir al-Quran pertama berbahasa Melayu yang dihasilkan di Kepulauan Melayu ialah *Turjuman al-Mustafid* tulisan Syeikh Abdul Rauf Fansuri pada kurun ke-17, kemudiannya disalin semula oleh Tuan Sheikh Abdul Malik bin Abdullah. Usaha penulisan tafsir diteruskan oleh Haji Muhammad Sa'id bin Omar, *Tafsir Nur al-Ihsan* (1936); Haji A. Halim Hasan, Haji Zainal Ariffin Abbas dan Abdul Rahim Haitami, *Kitab Tafsir al-Quran al-Karim* (1937); dan Prof. T. M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Tafsir al-Nur* (1956).⁵

³ Al-Dhahabi, *Al-Tafsir wa al-Mufassirin*, Juz 1, hlmn. 177.

⁴ Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman, *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*, Kaherah: Dar al-Hadis, Juz 2, hlmn. 455.

⁵ Mazlan Ibrahim dan et al., (2011), "Development of Quranic Exegesis in Malay Archipelago: A Special Reference to Malaysia", *Journal of Advances in Natural and Applied Sciences*, 5(4), hlmn. 403, <<http://4share.smasa-magetan.sch.id/Topik%20Islam/Dakwah%20Daiyah/UTND.pdf>>, akses pada 9 Februari 2012.

Perkembangan tafsir semakin meningkat khususnya di antara tahun 1950an sehingga 1960an apabila dua tokoh iaitu Prof. Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah dan Ustaz Haji Ahmad Sonhadji menghasilkan karya agung *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir 'Abr al-Athir*. Kedua-dua tafsir ini menjadi bahan utama dalam kajian ini kerana keunikan yang terdapat di dalamnya memberi kesan positif kepada seluruh pembaca di Kepulauan Melayu, tidak kira di Indonesia, Malaysia, Singapura, Patani, Filipina mahupun Brunei.

Hamka dan *Tafsir Al-Azhar*

HAMKA, adalah akronim kepada nama sebenar Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah, seorang ulama, aktivis politik dan penulis Indonesia yang amat terkenal di alam Nusantara. Beliau dilahirkan pada 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharam 1426H di kampung Molek, Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia.⁶ Bapanya adalah seorang ulama terkenal di Minangkabau. Beliau dikenali sebagai Haji Rasul atau nama penuhnya Syeikh Abdul Karim Amrullah, yang terlibat aktif dalam golongan Kaum Muda di Indonesia. Mendapat pendidikan awal daripada bapanya sendiri dan berhijrah ke Mekah untuk mendalami ilmu agama. Sekembalinya dari Mekah, beliau dinikahkan oleh bapanya dengan Siti Raham ketika usianya 21 tahun dan dikurniakan 10 orang anak; tujuh lelaki dan tiga perempuan. Setelah isterinya meninggal dunia pada 1 Januari 1972, beliau mendirikan rumah tangga kedua bersama Siti Khadijah yang berasal dari Ciberon, Jawa Barat.⁷

Dikurniakan gelaran rasmi 'Tuanku Syeikh' oleh Majlis Alim-Ulama negeri Sungai Batang pada 31 Julai 1966 sebagai gelar pusaka yang diwarisi daripada bapanya yang meninggal

⁶ Rushdi Hamka, (1996), *Hamka: Di Mata Hati Umat*, Ed. Nasir Tamada dan et al., Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, Cetakan Ketiga, hlmn. 51.

⁷ *Ibid.*, hlmn. 52-53.

dunia pada 2 Jun 1945.⁸ Ketinggian ilmu dan kewibawaan beliau sebenarnya diwarisi dari darah keturunan bapanya yang menjadi sumber inspirasi dalam penulisan agung beliau iaitu *Tafsir al-Azhar*. Walaupun penulisan sastera beliau melalui karya-karya lain amat dikagumi ramai, tafsir ini adalah suatu karya yang sangat disanjung tinggi kerana beliau melalui proses penulisan yang sangat mencabar, apatah lagi mendalami bahasa al-Quran yang sangat indah dan menafsirkannya.

Penulisan tafsir ini bermula sedikit demi sedikit di mana beliau menyampaikan kuliah tafsir di Masjid Agung al-Azhar, di samping menulis pada setiap pagi selepas Subuh sejak akhir tahun 1958. Tulisan beliau yang dikumpul kemudiannya diterbitkan di dalam majalah Gema Islam sejak Januari 1962 sehingga Januari 1964.⁹ Walaupun demikian, penulisannya terhenti seketika apabila beliau disabitkan tuduhan pro-Malaysia dan dipenjarakan pada tahun 1964 hingga tahun 1966, malah penulisan 30 juzu' tafsir beliau sempat diselesaikan ketika masih dalam tahanan.¹⁰ Walaupun dikurung di dalam penjara, ini tidak menghentikan minatnya untuk terus menulis, dan kesusahannya itulah yang menjadi pendorong terbesar untuk menyelesaikan sebuah karya yang monumental yang di kemudian hari menjadi rujukan Umat Islam di Nusantara yang sangat berpengaruh. dan tersebut diberi nama *Tafsir Al-Azhar*, iaitu sempena Masjid Agung Al-Azhar, tempat beliau menjadikan dirinya menjadi Imam dan nama unversiti yang pertama telah memberikan penghargaan ilmiah tertinggi, Doktor Honoris Causa (*Ustadziyah Fakhriyah*) kepadanya, Universiti Al-Azhar Cairo, Mesir.¹¹

Kepulangan Hamka ke rahmatullah pada 24 Julai 1981 merupakan satu kehilangan yang menyedihkan. Namum begitu, pengaruh dan perjuangan beliau terus hidup dalam

⁸ Hamka, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, (1982), *Tafsir al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, Juz 1, hlmn. 1.

⁹ Ibid, Juz 1, hlmn. 50-54.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid, Juz 1, hlmn. 43-47.

memartabatkan agama Islam dan ilmu Allah yang sangat luas di seluruh alam Nusantara.

Ahmad Sonhadji dan *Tafsir 'Abr Al-Athir*

Penulis tafsir yang kedua ini juga berasal dari Indonesia tetapi melebarkan sayap dakwahnya dan menetap di Kota Singa. Ahmad Sonhadji Mohamad dikenali sebagai ulama besar Singapura yang menyebarkan usaha dakwahnya secara meluas melalui mata pena. Dilahirkan pada 18 Ogos 1933 bersamaan 24 Zulhijjah 1340 di Desa Pengging, Surakarta, Jawa tengah, Indonesia. Beliau merantau sejak kecil ke pelbagai tempat yang berbeza, mengikut penghijrahan keluarga di samping untuk menuntut ilmu.¹² Akhirnya, beliau mengambil keputusan untuk menetap di Singapura kerana ia dirasakan pilihan terbaik apabila usaha dakwahnya diperluaskan dengan pembinaan sekolah-sekolah agama dan menjadi pendidik sepenuh masa.

Keistimewaan nama beliau yang jarang didengari itu sebenarnya diambil sempena dengan nama seorang penulis kitab nahu bahasa Arab¹³ iaitu Syeikh Sonhadji, dan nama itu juga dikatakan adalah nama sebuah kerajaan Islam di Afrika pada masa lampau.¹⁴ Mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri sebagai guru agama di Rengat dan juga datuk sebelah ibunya, kemudian menyambung pengajian di Singapura. Di Singapura, beliau bukan sahaja belajar tetapi juga mengajar, memberi syarahan agama, menjadi imam, dan juga menulis. Ilmunya telah disebarikan secara meluas bukan sahaja di Kota Singa tersebut, tetapi juga di Malaysia, Indonesia dan juga

¹² Ahmad Sonhadji Mohamad, (1990), *Tafsir al-Quran 'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio)*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan, Cetakan Pertama, Juz 1, hlmn. xv.

¹³ Matn ArjEmiyah, Muhammad bin Muhammad bin Dawod al-Sonhaji. Abu Abdullah (1273-1323).

¹⁴ Norman Suratman, (1997), *Menyongsong Arus: Biografi Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad*, Singapura: Pustaka ASB Mohamad, hlmn 22.

Brunei. Malah, tulisan-tulisan Ahmad Sonhadji menjadi rujukan utama pengajian agama di negara-negara tersebut.¹⁵

Ahmad Sonhadji telah mewarisi ilmu penafsiran Al-Quran daripada datuknya, Imam Muslim, dan moyangnya, Kiai Raden Kibagus Imam Suhodo yang berkhidmat sebagai guru kepada Sultan Solo.¹⁶ Peluang pertama yang beliau perolehi di dalam dunia penafsiran ialah apabila mendapat jemputan khas untuk menyampaikan ceramah tafsir al-Quran di dalam Radio Singapura bermula daripada tarikh 12 Syaaban 1379 bersamaan 19 Februari 1959. Oleh kerana penyampaian dakwahnya adalah untuk masyarakat umum di Singapura, khususnya Muslim, tersebar melalui rancangan radio, maka beliau menamakan kitab tafsir beliau sebagai *Abr al-Athir* yang bermaksud “merentasi gelombang udara” atau dikenali juga sebagai *Tafsir al-Quran di Radio*. Kuliah tafsir di radio tersebut tidak sempat dilengkapkan sehingga 30 juzuk, tetapi beliau masih meneruskan penulisan tafsir ini tanpa bertangguh-tangguh dan berusaha menyiapkannya. Akhirnya, naskhah tafsir tersebut lengkap pada 26 April 1984, setelah mengambil masa hampir 25 tahun untuk proses penulisan.¹⁷ Kemudian, proses penerbitan kitab tafsir dilakukan secara bertahap-tahap, bermula daripada penerbitan jilid pertama pada tahun 1960 hingga lengkap 30 jilid pada tahun 1988.

Ahmad Sonhadji pulang ke Rahmatullah pada 2 Ramadan 1430 bersamaan 12 Ogos 2010 dengan meninggalkan 10 orang anak; sembilan perempuan dan seorang lelaki. Pemergian beliau sangat dirasai oleh seluruh penduduk Singapura kerana kehilangan seorang ulama besar yang amat disegani. Walau bagaimanapun, nama “Ahmad Sonhadji” masih dikenang melalui karya dan penulisan beliau di Nusantara¹⁸.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ahmad Sonhadji, *Tafsir al-Quran 'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio)*, Juz 1, hlmn. xviii.

¹⁸ Norman Suratman, (1997), *Menyongsong Arus: Biografi Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad*, hlmn 25.

METODOLOGI GAYA BAHASA TAFSIR AL-AZHAR DAN TAFSIR 'ABR AL-ATHIR

Tafsir al-Azhar adalah karya masyhur dalam menghuraikan ayat-ayat suci al-Quran al-Karim. Kemahiran bahasa yang diperolehi Hamka adalah suatu kebolehan yang tidak harus disimpan begitu sahaja, oleh itu beliau tetap meneruskan dunia penulisan walaupun pernah dipenjara. Mengambil contoh ahli tafsir agung, Sayyid Qutb yang juga berjaya menyiapkan *Tafsir fĒ ŪilĒl al-Qur'Ēn* ketika menghabiskan sisa umur akhirnya di dalam penjara dan digantung pada tahun 1966, telah menjadi sumber inspirasi untuk menggunakan masa keemasan beliau di dalam kurungan. Kesusahan yang beliau alami sedikit sebanyak memberikan kesan yang besar terhadap tulisan beliau.

Oleh kerana Hamka memang dikenali sebagai seorang ahli bahasa, bahasa yang digunakan di dalam *Tafsir al-Azhar* banyak disertakan dengan sastera dan syair-syair puitis bahasa Arab dan perumpamaan indah bahasa Melayu. Beliau membincangkan sesuatu perkara dengan lebih panjang dan agak beremosi ketika menghuraikan ayat-ayat yang berkaitan dengan politik dan sosial masyarakat.

Berbeza dengan *Tafsir al-Azhar*, *Tafsir 'Abr al-Athir* yang ditulis oleh Ahmad Sonhadji menggunakan bahasa yang lebih santai dan tidak memberatkan para pembaca. Oleh kerana tafsir ini adalah berasal dari teks skrip di radio, bahasa yang digunakan lebih ringan dan mudah difahami. Bahasa yang digunakan oleh Ahmad Sonhadji di dalam tafsirnya telah diusahakan agar dapat memberi manfaat kepada semua peringkat masyarakat, tidak kira tua ataupun muda, pelajar ataupun pekerja. Beliau berjaya mengupas ilmu tafsir al-Quran dengan mendalam hingga menjadi satu subjek yang jelas dibaca oleh semua peringkat pembaca.

Penulisan *Tafsir 'Abr al-Athir* telah mendapat pujian khas daripada Pendeta Za'ba (Hj Zainal Abidin Bin Ahmad), seorang ilmuwan agama dan bahasa yang mengulas bahawa karya Ahmad Sonhadji adalah sesuatu hal yang boleh dibanggakan kerana

masih belum ada tafsir al-Quran berbahasa Melayu yang ditulis sehingga 30 jilid seperti bahasa-bahasa lain. Kitab tafsir ini bukan sahaja telah memartabatkan ilmu al-Quran, bahkan ia memartabatkan bahasa Melayu ke seluruh Nusantara.

Menurut Prof. Dato' Dr. Zulkifli Mohd Yusuff, Ahmad Sonhadji boleh disenarai samakan dengan Hamka dengan kepakaran mereka menafsirkan al-Quran al-Karim. Beliau juga melihat sedikit perbandingan yang ada pada kedua-dua ahli tafsir ini dengan menyimpulkan bahawa penulisan Hamka bersifat akademik dan lebih mudah difahami oleh mereka yang mengambil pengkhususan dalam pengajian al-Quran. Manakala tulisan Ahmad Sonhadji pula bersifat ringan yang boleh difahami oleh segenap lapisan pembaca kerana penerangan beliau tidak terlalu meleret ataupun terlalu ringkas.¹⁹

Dengan penjelasan daripada dua buah kitab tafsir yang berbeza ini, dapat disimpulkan bahawa bahasa utama yang digunakan ialah bahasa Melayu, bahasa yang menjadi bahasa pertuturan umum masyarakat nusantara di Asia Tenggara. Walaupun bahasa ini mempunyai keunikan yang tersendiri berbanding bahasa Arab, tetapi bahasa ini berupaya menafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan kemunculan ahli tafsir di kepulauan Tanah Melayu. Kewujudan dua buah tafsir dalam bahasa Melayu ini menjadi hujah yang kuat kepada kemampuan bahasa Melayu sebagai antara bahasa yang hebat.

Perbezaan yang dapat disimpulkan daripada kedua-dua ahli tafsir ini adalah berdasarkan tujuan penulisan, suasana ketika menulis, kadar penggunaan bahasa, penglibatan dan juga latar belakang mereka yang masing-masingnya berbeza di antara satu sama lain. Walaupun demikian, perlu ditekankan di sini bahasa mereka mempunyai misi yang sama dalam penulisan tafsir ini agar pembaca yang tidak boleh memahami bahasa Arab boleh memahami ayat al-Quran dan tafsirnya dengan lebih mudah, serta

¹⁹ Zulkifli Haji Mohd Yusuff, (2002), *A Study of Tafsir 'Abr al-Athir and Sonhadji's Methodology in Tafsir al-Quran*, Singapore: Andalus Corporation Pte Ltd., 1st Edition, hlmn. 6-7.

mempraktikkan hukum dan pengajaran ayat dalam kehidupan seharian mereka.

SURAH AL-MUJADALAH DALAM *TAFSIR AL-AZHAR* DAN *TAFSIR 'ABR AL-ATHIR*: SATU PERBANDINGAN

Mengambil surah ke-58 di dalam al-Quran, surah al-Mujadalah yang mengandungi 22 ayat ini dipilih atas dasar untuk mengupas beberapa hukum penting di dalamnya. Di samping itu, pemilihan ini dibuat bagi membandingkan metodologi dan gaya bahasa yang digunakan penulis di dalam *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir 'Abr al-Athir*.

Perbezaan ketara yang dapat dilihat daripada dua buah kitab tafsir ini adalah dari sudut penggunaan nama surah yang berbeza dari sudut baris dan makna. Hamka memilih untuk menggunakan 'al-Mujadalah' yang membawa maksud 'pembantahan',²⁰ manakala Ahmad Sonhadji menggunakan 'al-Mujadilah' yang membawa maksud 'wanita yang mendebat Nabi'.²¹ Walaupun demikian, kedua-dua nama tersebut boleh diterima pakai sebagai nama surah kerana kisah utama di dalam surah tersebut ialah kisah perdebatan seorang wanita kepada Nabi Muhammad SAW tentang suaminya yang telah menjatuhkan hukum *zihar*²² ke atasnya.

Surah al-Mujadalah di dalam *Tafsir al-Azhar* telah didahulukan dengan perbincangan ringkas tentang nama surah

²⁰ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Juz 28, hlmn. 7202.

²¹ Ahmad Sonhadji, *'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio)*, Juz 28, hlmn. 23.

²² *Zihar* dari sudut syarak bererti suami yang menyamakan mana-mana anggota zahir isteri dengan anggota wanita yang mahram muabbad kepada suami. Namun demikian tidaklah sampai jatuh talak sehingga menyebabkan pasangan suami isteri itu mesti bercerai tetapi hukuman tetap dikenakan bersabit dengan kesalahan tersebut. Menurut al-Zamakhshari, *zihar* bermaksud seseorang yang berkata kepada isterinya: 'kau bagiku seperti belakang ibuku'. Lihat: Mahmud bin Umar al-Zamaksyari, (2008), *Tafsir Al-Kashf*, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, hlmn. 365.

tersebut dari sudut pemahaman bahasa Arab.²³ Ini jelas menunjukkan bahawa Hamka sangat teliti dari sudut penggunaan bahasa dan perbezaan baris yang boleh membawa makna yang berbeza. Ini tidak dijelaskan oleh Ahmad Sonhadji di dalam tafsirnya, tetapi beliau mendahulukan surah ini dengan menghubungkan ia dengan surah sebelumnya iaitu surah al-Munafiqun.²⁴ Selain itu, beliau juga mengutarakan hukum syarak yang terkandung di dalam surah al-Mujadalah ini, di antaranya ialah hukum zihar, denda (*kaffarah*) kepada orang yang melakukan *zihar*, hukum mengadakan pembicaraan rahsia (*al-TanÉjÉ*), adab di dalam majlis, mempersembahkan sedekah sebelum merayu kepada Rasulullah SAW, larangan berkasihsayang dengan musuh-musuh Allah dan juga keadaan orang-orang Munafik dan Yahudi.

Hamka memilih untuk menghuraikan 22 ayat di dalam surah ini secara berkumpulan dengan meletakkannya di bawah satu tajuk yang spesifik. Ayat 1 hingga 6 diletak di bawah tajuk *zihar*, disambung dengan ayat 7 hingga 10 di bawah tajuk *an-Najwaa* (perundingan rahsia), kemudian ayat 11 hingga 13 dibincangkan di bawah topik sopan-santun (etiket) suatu majlis, disambung lagi dengan ayat 14 hingga 21 yang menyentuh tajuk tentang keruntuhan jiwa orang-orang Munafik, dan ayat terakhir di bawah topik tunggal iaitu disiplin. Berbeza dengan *Tafsir 'Abr al-Athir*, kebanyakan ayat-ayat di dalamnya dihuraikan secara satu persatu kecuali ayat 1 hingga 4 yang menyentuh kisah Khaulah binti Tha'labah al-Khazrajiah dizihar oleh suaminya. Ada juga beberapa ayat yang dihuraikan secara berdua-dua, seperti ayat 12 dan 13, dan ayat 18 dan 19.

Selain cara susunan ayat yang berbeza, kandungan *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir 'Abr al-Athir* juga berbeza dari segi isi kandungan huraian untuk menjelaskan ayat secara terperinci merujuk kepada rujukan yang berbeza serta mengkaitkan dengan konteks yang berlainan. Hamka bukanlah penulis amat, beliau

²³ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Juz 28, hlmn. 7202.

²⁴ Ahmad Sonhadji, *'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio)*, Juz 28, hlmn. 23.

bijak mengatur ayat dan mengaitkan huraian tafsirnya dengan konteks semasa yang berlaku di Indonesia. Sebagai contoh, penggunaan *adinda* yang menjadi panggilan suami kepada isteri dalam kalangan masyarakat Melayu dibenarkan dan tidak menyamai dengan kes zihar yang menyamakan isteri dengan saudara perempuan si suami, dengan sebab bahawa panggilan tersebut tidak diniatkan untuk menyerupakan isteri dari bahagian tubuh tertentu dengan perempuan-perempuan yang haram dinikahnya.²⁵

Hamka turut meluahkan emosinya secara terbuka ketika menghuraikan ayat-ayat di dalam *Tafsir al-Azhar*, terutama ketika mengutarakan masalah masyarakat di sekelilingnya. Contoh yang boleh dilihat ialah di dalam huraian ayat 11. Hamka telah menunjukkan rasa marahnya terhadap mereka yang kurang sensitif ketika bersempit-sempit di dalam keretapi, malah menggunakan istilah 'bodoh' kepada golongan yang tidak peka tersebut.²⁶ Ini sebenarnya merupakan salah satu cara yang digunakan Hamka untuk menjelaskan bahawa pentingnya sopan-santun di dalam pergaulan sesama masyarakat. Selain itu, Hamka memilih untuk menggunakan istilah 'Si Fulan' bagi menggantikan nama seseorang sebagai contoh untuk pembaca memahami isi kandungan ayat dengan lebih mudah. Kebanyakan gaya bahasa yang digunakan oleh Hamka di dalam huraian ayat-ayat di dalam surah ke-58 ini berkaitan dengan nasihat dan peringatan ikhlas, khususnya kepada mereka yang bergelar Muslim.

Berbanding Hamka, Ahmad Sonhadji menggunakan bahasa yang lebih ringan dan ringkas di dalam penulisannya. Beliau lebih gemar menjelaskan ayat dengan menggunakan nombor agar lebih jelas bagi menunjukkan isi-isi penting yang terkandung di dalam ayat tersebut. Bentuk susunan *Tafsir 'Abr al-Athir* adalah sangat sistematik dengan menghuraikan setiap ayat satu persatu. Pada sesetengah tempat, Ahmad Sonhadji menggabungkan dua ayat yang berbeza dalam satu huraian yang

²⁵ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Juz 28, hlmn. 7210.

²⁶ *Ibid*, Juz 28, hlmn. 7225.

sama. Sebagai contoh, ayat 12 dan 13 digabungkan kerana berkait rapat antara satu sama lain dalam isu memberi sedekah kepada Rasulullah SAW.²⁷ Ayat 14, 15 dan 16 juga digabungkan dalam huraian yang sama kerana ketiga-tiga ayat ini berkisar tentang sikap orang Munafik dan balasan Allah kepada mereka.²⁸ Selain itu, ayat 18 dan 19 juga digabungkan dalam menghuraikan peringatan tentang Hari Kiamat sebagai hari pembalasan, dan juga peranan Syaitan dalam menggoda hati manusia.²⁹

Penafsiran Surah al-Mujadalah oleh kedua-dua mufassir ini mengambil pendekatan *Tafsir bi al-Sunnah* iaitu menafsirkan ayat-ayat al-Quran berpandukan hadith-hadith Rasulullah SAW yang sahih. Kebanyakan hadith-hadith yang digunakan oleh Hamka untuk menghuraikan beberapa ayat surah ini disertakan dengan nama perawinya. Ini penting untuk menunjukkan bahawa hadith tersebut boleh diguna pakai sebagai hujah dan kandungannya tidak diragui. Ahmad Sonhadji juga melakukan hal yang sama, akan tetapi terdapat beberapa hadith yang tidak dinyatakan perawinya. Kedua-dua mereka meletakkan teks asal hadith di dalam bahasa Arab terlebih dahulu kemudian menyatakan terjemahannya di dalam bahasa Melayu.

Terdapat beberapa syair Arab di dalam tafsir surah ini ketika Hamka menghuraikan ayat 21 dengan memberi perumpamaan tentang tingginya dan lamanya gunung terpacak menjadi pasak bumi.³⁰ Olahan syair tersebut sangat indah dan begitu puitis. Keadaan ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang mahir bermain bahasa puangga. Ini tidak dilakukan oleh Ahmad Sonhadji di dalam huraianya terhadap Surah al-Mujadalah. Walaupun demikian, Ahmad Sonhadji tidak lupa untuk meletakkan pengajaran-pengajaran penting yang diperolehi dari pemahaman ayat-ayat tersebut. Kemungkinan hal ini dirasakannya penting agar pembaca boleh mengambil iktibar

²⁷ Ahmad Sonhadji, *'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio)*, Juz 28, hlmn. 42-44.

²⁸ Ibid, Juz 28, hlmn. 44-45.

²⁹ Ibid, Juz 28, hlmn. 47-48.

³⁰ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Juz 28, hlmn. 7237.

daripada setiap ayat-ayat tersebut yang mempunyai kisah tersendiri serta hukum-hakam yang telah diketengahkan.

Sebagai rujukan, Hamka memilih beberapa mufassir lain untuk megukuhkan huraian ayat di dalam tafsir beliau. Untuk surah ini, beliau merujuk kepada huraian Imam al-Razi di dalam bukunya *Tafsir al-Kabir* atau dikenali dengan nama *Mafatih al-Ghaib*. Manakala Ahmad Sonhadji memetik beberapa rujukan daripada Imam al-Qurtubi dan Imam Ibnu Kathir. Rujukan yang digunakan juga sedikit sebanyak mampu mempengaruhi idea penulis dalam penafsiran ayat kerana setiap mufassir mempunyai kepakaran yang berbeza. Sebagai contoh, *Tafsir Ibn Kathir* merupakan salah sebuah kitab yang penting dan masyhur sebagai rujukan bagi *Tafsir bi al-Ma'thur* di mana beliau memberi tumpuan penuh dalam tafsirnya dengan menafsir ayat al-Quran dengan ayat yang lain, tafsir ayat al-Quran dengan hadith Rasulullah SAW, dan dengan kata-kata para sahabat dan tabi'in.³¹ Selain itu, beliau juga mengambil pandangan daripada ahli tafsir dan kalangan ulama salaf serta menjelaskan makna-makna ayat dan hukum-hukumnya dengan mencuba sedaya upaya untuk menjauhi perbahasan tentang i'rab dan pecahan-pecahan ilmu Balaghah lain kerana ia telah dibahaskan secara teliti oleh umum ulama tafsir lain.³²

Pada bahagian akhir tafsir surah al-Mujadalah, Hamka menutup surah ini dengan sebuah doa yang dipetik daripada sebuah hadith Rasulullah SAW,³³ dan setiap surah mempunyai cara penutup yang berbeza. Doa tersebut menjadi kesimpulan surah dan juga boleh digunakan sebagai panduan kepada pembacanya. Manakala Ahmad Sonhadji pula mengakhiri tafsir surah ini dengan kata-kata pujian kepada Allah dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW, dan cara ini dilakukan kepada setiap surah di dalam *Tafsir 'Abr al-Athir*. Beliau juga tidak lupa

³¹ Al-Zarqani, Mu'ammad Abd al-Adzim, (2004), *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Qur'an*, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Juz 2, hlmn. 271-272.

³² Rosmawati Ali @ Mat Zin, (1997), *Pengantar Ulum Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise, hlmn. 31.

³³ Hamka, *Tafsir al-Azhar*, Juz 28, hlmn. 7240.

mencatat tarikh penulisan dan penyusunan Surah al-Mujadalah ini yang dimulakan pada 6 September 1983 dan berakhir pada 13 September pada tahun yang sama di Jeddah.³⁴

PENUTUP

Tafsir al-Azhar dan *Tafsir 'Abr al-Athir* masing-masing mempunyai keunikan dan kekuatan tersendiri, di samping ia dikaryakan oleh ahli tafsir yang terpilih dengan ilmu dan keperibadian yang mulia. Perbandingan yang dilakukan dalam kajian ini tidak bertujuan untuk mempamerkan mana-mana kelemahan ataupun kekurangan yang terdapat di dalam karya yang telah dihasilkan. Sebagai menghormati usaha besar mereka, kajian ini bertujuan untuk mengangkat martabat ulama tafsir yang mengisi masa kehidupan mereka dalam memahami ayat-ayat suci al-Quran. Malah mereka menyampaikannya dalam bentuk tulisan sebagai rujukan kepada generasi akan datang dengan bahasa pertuturan mereka sendiri khasnya kepada masyarakat Melayu.

Merujuk kepada gaya persembahan yang dipamerkan di dalam *Tafsir al-Azhar* dan *Tafsir 'Abr al-Athir*, dapat disimpulkan bahawa situasi yang berlaku di sekeliling penulis memberi kesan kepada metodologi penulisan mereka, malahan perkara ini membantu dalam penafsiran beberapa ayat suci al-Quran yang bersangkutan paut dengan permasalahan yang dihadapi masyarakat. Beberapa perbezaan juga dapat diteliti melalui gaya bahasa, gaya penafsiran dan gaya susunan yang telah digunakan. Manakala, persamaan di dalam kedua-dua buah kitab tafsir ini menyentuh tentang pengajaran dan panduan di dalam Surah al-Mujadalah untuk kegunaan umum Muslim, khasnya di seluruh bumi nusantara.

Secara ironinya, kisah utama iaitu hukum *zihar* di dalam surah ini jarang berlaku dalam kalangan penduduk Kepulauan

³⁴ Ahmad Sonhadji, *'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio)*, Juz 28, hlmn. 55.

Melayu, tetapi ia tidak menunjukkan bahawa ia tidak mustahil akan berlaku atau secara tidak langsung, ia telah berlaku. Sekiranya ia terjadi, rujukan utama yang menjadi dalil adalah wahyu yang Allah turunkan melalui surah ini dan juga hadith sahih yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad SAW. Surah al-Mujadalah yang mengandungi 22 ayat ini boleh jelas difahami dengan menggunakan kedua-dua tafsir ini kerana kebanyakan huraian tidak bertentangan, malah melengkapinya antara satu sama lain, kerana ia membantu dan memudahkan masyarakat Melayu untuk memahami dengan lebih mendalam dan mempraktikkan isi kandungan ayat di dalam kehidupan seharian mereka.

RUJUKAN

- Ahmad Sonhadji Mohamad. (1990). *Tafsir al-Quran 'Abr al-Athir (Tafsir al-Quran di Radio)*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan, Cetakan Pertama.
- Al-Dhahabi, Muġammad Husayn. (2005). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirin*. Avand Daanesh Ltd. Cetakan Pertama.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. (1997). *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Zamaksyari, Mahmud ibn Umar. (2008). *Tafsir Al-Kashaf*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-Adzim. (2004). *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Qur'an*, Lubnan: Dar al-Kutub al-Īlmiyyah. Cetakan Kedua.
- Fadil Hasan Abbas. (2005). *Al-Tafsir: Asasiyatuhu wa Ittijatuhu*. Amman: Maktabah Dandis, Cetakan Pertama.
Hamka, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Mazlan Ibrahim dan et al. (2011), "Development of Quranic Exegesis in Malay Archipelago: A Special Reference to Malaysia", *Journal of Advances in Natural and Applied Sciences*, 5(4), <<http://4share.smasa-magetan.sch.id/Topik%20Islam/Dakwah%20Daiyah/UTN D.pdf>>, akses pada 9 Februari 2012.
- Norman Suratman. (1997). *Menyongsong Arus: Biografi Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad*. Singapura: Pustaka ASB Mohamad.
- Rosmawati Ali @ Mat Zin. (1997). *Pengantar Ulum Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.

- Rozali Adam. (1985). *Al-Quran: Di antara Tafsir dan Israiliyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusjdi Hamka. (1996). *Hamka: Di Mata Hati Umat*, Ed. Nasir Tamada dan et al.. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan. Cetakan Ketiga.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff. (2002). *A Sudy of Tafsir 'Abr al-Athir and Sonhadji's Methodology in Tafsir al-Quran*. Singapore: Andalus Corporation Pte Ltd. 1st Edition.